

Headline	PPZ sasar kutipan RM50 juta tahun ini		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Niaga	Circulation	115,967
Page No	I-52	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	95 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 438
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,314



PPZ sasar kutipan RM50 juta tahun ini

KUALA LUMPUR – Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZWP) yakin mencapai sasaran kutipan zakat perniagaan sebanyak RM50 juta bagi tahun ini dengan jangkakan 1,500 pembayar, yang kebanyakannya daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Pengerusinya, Datuk Mustafa Abdul Rahman berkata, bagi 11 bulan pertama, PPZWP telah mengutip kira-kira RM46.6 juta berbanding 27.5 juta pada tempoh sama tahun 2010.

“Ia merupakan peningkatan 69 peratus,” katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Percetakan Nasional Malaysia Bhd. (PNMB) di sini semalam.

Mustafa memaklumkan, PPZWP telah mengutip RM33.622 juta zakat perniagaan sepanjang tahun lalu. PPZWP juga yakin 57 syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) berpotensi membayar zakat bagi tahun ini.

“Terdapat 146 GLC dan GLIC di Malaysia, di mana 77 daripadanya beroperasi di sini,” katanya sambil memaklumkan sebanyak RM13.750 juta zakat perniagaan diterima dari 20 GLC dan GLIC setakat ini.

Sebelum itu, PNMB yang diwakili oleh Pengarah Urusannya, Izham Yusoff telah menyerahkan zakat perniagaan sebanyak RM546,406 kepada PPZWP hasil daripada keuntungan yang dicapai pada tahun 2010.

PNMB turut menyerahkan empat replika cek bernilai RM51,225.56 kepada empat wakil badan kebajikan terpilih iaitu Asrama Darul Falah, Rumah Perlindungan dan Anak-anak Yatim Raudhatul Jannah, Rumah Perlindungan Nur Qaseh dan Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (Pernim).